

BAB KELIMA

RUMUSAN DAN KESIMPULAN

5.1. MUKADIMAH

Bab kelima adalah merupakan bab yang terakhir di dalam penyelidikan ini. Ia akan merumuskan segala analisis yang telah dibuat ke atas bahan-bahan yang telah dikenal pasti sebagai sampel kajian. Di samping itu, ia juga akan mengemukakan kesimpulan secara menyeluruh menurut pandangan dan kefahaman penulis berdasarkan bukti-bukti yang telah penulis temui dalam analisis sebelumnya. Bab ini akan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu; rumusan umum, rumusan khusus dan juga kesimpulan.

5.2. RUMUSAN UMUM

Secara amnya, rumusan bagi hasil kajian ini telah menunjukkan bahawa terdapat banyak pengaruh dan ideologi pemikiran Sheikh Ḥussein al-Kāshifi yang berteraskan nilai-nilai ajaran Islam di dalam pelaksanaan sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka. Fokus utamanya tertumpu kepada sistem pentadbiran kerajaan. Hasil daripada pengaruh itu telah membuktikan bahawa sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka adalah berteraskan nilai-nilai ajaran Islam yang sempurna. Penulisan manuskrip *Nasihat al-Muluk* banyak dipengaruhi oleh pengamalan-pengamalan yang dilaksanakan di dalam jentera pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka meliputi dasar dan struktur pemerintahan, konsep kedaulatan (*al-siyādah*), konsep kepimpinan (*al-qiyādah*), konsep pendidikan dan juga sistem perundangan.

Pengaruh nilai-nilai murni yang ditekankan oleh manuskrip *Nasihat al-Muluk* juga telah diadaptasikan oleh sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka bermula daripada raja atau sultan sebagai ketua negara, golongan

pemerintah di dalam melaksanakan tanggungjawab terhadap negara sehingga halah kepada rakyat jelata (biasa). Pelaksanaan akhlak dan norma-norma mulia itu adalah sejajar dengan pandangan yang telah dikemukakan oleh ulama-ulama Islam seperti al-Mawardi, Bukhari al-Jauhari, Ibn Khaldūn, al-Mādūdī dan sebagainya.

Oleh kerana analisis perbandingan dilakukan hanya untuk melihat pengaruh Islam di dalam sistem pentadbiran, sistem pendidikan dan sistem perundungan sahaja, maka sudah tentu untuk mendapatkan satu kajian perbandingan yang benar-benar tepat adalah mustahil. Namun, penulis ingin menegaskan bahawa penilaian pengaruh manuskrip *Nasīhat al-Mulūk* terhadap pelaksanaan yang telah diamalkan oleh sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka di dalam sistem pentadbiran, sistem pendidikan dan juga sistem perundangannya sudah memadai untuk kita membuat rumusan yang kukuh bahawa sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka adalah merupakan sebuah sistem pentadbiran dan sistem perundungan yang diasaskan oleh ajaran Islam.

—

5.3. RUMUSAN KHUSUS

Setelah penumpuan dibuat terhadap sistem pentadbiran bagi kedua-dua konsep dan sistem yang dikaji, penulis mendapati kedua-dua sampel kajian ini secara langsung mempunyai persamaan di dalam beberapa perkara yang melibatkan urusan jentera pentadbiran. Di antara elemen-elemen yang mempunyai persamaan itu ialah struktur perjawatan pembesar negara. Perbahasan yang secara agak terperinci ke atas jawatan menteri, bentara, panglima, hulubalang dan sebagainya di dalam manuskrip *Nasīhat al-Mulūk* itu

seolah-olah telah mewujudkan satu pertalian yang sama dengan sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka. Akan tetapi terdapat juga jawatan pembesar negara yang wujud di dalam sistem Kesultanan Melayu Melaka tetapi tidak dibincangkan di dalam manuskrip *Nasihat al-Muluk*. Ini jelas menunjukkan kepada kita bahawa perjalanan sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka adalah lebih ideal dan sempurna.

Walau bagaimanapun, penulis menganggap bahawa wujud atau tidak sesuatu perjawatan itu adalah merupakan perkara teknikal kerana taraf atau nama bagi jawatan itu boleh diadakan ataupun dilupuskan oleh pemerintah mengikut kesesuaian, peranan serta tanggungjawab yang dipikul bagi jawatan tersebut. Perkara penting yang menjadi asas di sini ialah wujudnya persamaan sistem pentadbiran berkerajaan yang melibatkan raja sebagai orang yang paling berkuasa di atas takhta, menteri bertindak sebagai perancang serta seluruh pegawai raja yang bertanggungjawab melaksanakan perancangan serta menguruskan jentera pentadbiran kerajaan.

Elemen kedua yang mempunyai persamaan adalah merujuk kepada kaedah penyenaraian sifat-sifat yang perlu ada pada golongan raja dan juga pembesar. Walaupun susunannya tidak teratur tetapi setelah diteliti secara mendalam, penulis mendapati penyenaraian yang telah digambarkan itu ada unsur-unsur persamaannya. Namun begitu, penyenaraian yang dibuat oleh manuskrip *Nasihat al-Muluk* adalah lebih terperinci dan kemas berbanding dengan praktikal yang wujud di dalam sistem Kesultanan Melayu Melaka.

Penulis berpendapat sedemikian kerana sistem Kesultanan Melayu Melaka banyak menggambarkan sifat-sifat raja atau pembesarnya secara

simbolik dan tersirat. Sebagai contoh; ketakutan Hang Tuah terhadap raja Melaka itu boleh kita interpretasikan melalui naratif yang menggambarkan kesanggupan beliau untuk turun ke dalam lubang najis untuk menyelamatkan kuda raja.¹ Begitu juga dengan gambaran Sejarah Melayu yang mengatakan Hang Tuah telah menerima hukuman bunuh yang dijatuhkan oleh sultan Melaka tanpa sebarang bantahan di atas pertuduhan² yang beliau tidak lakukan.

Elemen persamaan yang seterusnya ialah taat setia, tunduk, patuh dan tidak boleh ingkar kepada raja dan sultan. Seolah-olah telah wujud persepakatan di antara manuskrip *Nasīḥat al-Mulūk*³ dengan sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka⁴ di dalam menggambarkan konsep kedaulatan raja yang dimanifestasikan sebagai “*zul Allah fi al-Ālam*”. Melalui konsep ini, raja dikatakan berperanan sebagai ganti atau bayangan Allah s.w.t. Oleh itu, segala titah perintah raja harus dipenuhi kerana secara tersiratnya ia adalah merupakan arahan dari Allah s.w.t. yang diperturunkan melalui raja. Sekiranya kita menghayati dengan lebih mendalam lagi, konsep ini mempunyai persamaan juga dengan maksud ayat al-Qur'an⁵:

“...wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada rasul dan para pemimpin dari kalangan kamu...”

¹ A. Samad Ahmad, op. cit., hal. 130. Lihat juga Raffles (ed.), op. cit., hal. 159-160. Lihat juga Ismail Ahmad, op. cit., hal. 29-30.

² Shellabear W.G. (ed.), op. cit., hal. 93. Hang Tuah telah difitnah berlaku curang dengan dayang istana. Apabila berita ini diketahui oleh Sultan Mansur Syah, baginda menitahkan Seri Nara Diraja membunuh Hang Tuah. Tetapi hukuman itu tidak dilaksanakan oleh Seri Nara Diraja kerana beliau mengetahui fitnah tersebut bertujuan menjatuhkan maruah Hang Tuah.

³ Al-Kashifi, op. cit., hal. 39.

⁴ A. Samad Ahmad, op. cit., hal. 190 dan 284. Lihat juga Shellabear W.G. (ed.), op. cit., hal. 141 dan 182.

⁵ Al-Qur'an surah *al-Nisa'*, ayat 59.

kan oleh raja

Allah s.w.t.

ira nabi dan

u berada di

beribadat

cara tidak

knya, jika

iderhaka

islatif.

aja di

a kita

perlu

ikan

eda

ng

ru

g

da dan All: ok ini ah ay.
atau rasul tetapi
orang berkecimpulan dan adil.
Muhammad Yusoff Hashim, **Kesultanan Melayu Melaka**, op. cit., hal. 160.

Ini menunjukkan kepada kita bahawa perintah yang diarahkan oleh raja itu mempunyai pertalian secara tidak langsung dengan perintah Allah s.w.t. kerana raja adalah *wakil atau orang perantaraan*⁶ di bumi selepas para nabi dan rasul. Dengan itu, dapatlah kita fahami bahawa kedudukan raja itu berada di tempat yang kedua tertinggi sebagai penguasa di dunia. Sekiranya kita beribadat (taat) kepada Allah s.w.t. dan taat kepada sunnah Rasul maka secara tidak langsung kita juga wajib patuh dan taat kepada raja. Begitu juga sebaliknya, jika kita menderhaka kepada raja maka secara tersiratnya kita juga menderhaka kepada Allah s.w.t. dan Rasul-Nya⁷.

Aspek persamaan seterusnya adalah berkaitan bidang legislatif. Walaupun Sheikh Ḥussein al-Kāshīfī membincangkan sedikit tentang kuasa raja di dalam menjatuhkan hukuman bunuh, ia seperti menggambarkan kepada kita bahawa terdapat idea dan pemikiran tentang sistem perundangan yang perlu diamalkan. Dalam konteks Kesultanan Melayu Melaka pula, ia jelas menunjukkan bahawa sistem perundangan yang telah diamalkan adalah berdasarkan kepada al-Qur'an dan *Amr bi al-Ma'rūf wa Nahy 'an al-Munkar*⁸ seperti yang terkandung di dalam Hukum Kanun Melaka. Malah sistem perundangan Kerajaan Melayu Melaka adalah lebih sistematik dan tersusun. Di antara bentuk hukuman yang terdapat di dalam sistem perundangan Kesultanan Melayu Melaka ialah hukum *qisās*, hukum *hudūd*, hukum *diyāt*, hukum *ta'azir* dan sebagainya. Ia bertujuan

⁶Penulis memaksudkan '*wakil atau orang perantaraan*' ialah golongan raja atau sultan yang dimanifestasikan dari *zul Allah fi al-Ālam*. Golongan ini mestilah taat menjunjung titah perintah serta perundangan Allah s.w.t. Namun, mereka ini tidaklah menyamai taraf nabi atau rasul tetapi golongan ini merupakan pemimpin yang berketrampilan dan adil.

⁷Muhammad Yusoff Hashim, **Kesultanan Melayu Melaka**, op. cit., hal. 160.

untuk menjaga rakyat daripada penganiayaan dan kezaliman serta memberi keadilan kepada masyarakat yang berhak mendapatkannya sejajar dengan hadith Rasulullah s.a.w.⁹

“...Kamu semua adalah pemimpin dan kamu semua akan bertanggungjawab terhadap apa yang kamu pimpin. Seorang pemerintah adalah pemimpin manusia dan dia akan bertanggungjawab terhadap rakyatnya...”

Seterusnya, unsur persamaan juga jelas digambarkan di dalam sistem sosial dan kemasyarakatan. Walaupun manuskrip Nasihat al-Muluk tidak menggambarkan secara nyata keadaan kehidupan sosial namun penulis dapat merasakan bahawa keadaan sistem sosialnya adalah teratur dan tersusun. Ini dapat dilihat dengan jelas melalui sistem pentadbiran yang kemas dan sistematik. Golongan raja, para pembesar serta rakyat jelata mempunyai tanggungjawab mereka yang tersendiri. Jika tanggungjawab itu dapat dilaksanakan dengan sempurna dan teratur, ia semestinya akan mewujudkan satu sistem sosial yang baik dan boleh menyumbang kepada kestabilan negara.

Begitu juga dengan sistem Kesultanan Melayu Melaka. Walaupun susur galur pengisahan sistem sosial (seperti yang digambarkan di dalam buku Sejarah Melayu) kelihatan berselerak di sana sini, namun jika diamati, ia akan menunjukkan kepada kita bahawa Empayar Melaka sebenarnya mempunyai satu sistem sosial yang unik untuk dijadikan panduan. Ini kerana sistem kemasyarakatan di dalam Kesultanan Melayu Melaka telah menggambarkan realiti sebenar kedudukan dan kehidupan raja atau sultan, para pembesar serta

⁸Liaw Yock Fang (ed.), op. cit., hal. 70. Lihat juga Abdullah Ishak (Dr.), op. cit., hal. 148.

⁹Abī Abīs, op. cit., hadith no. 474, hal. 118.

rakyat jelata baik dari segi peranan, bidang tugas dan juga tanggungjawab. Ini melambangkan kepada kita bahawa kehidupan masyarakat negeri Melaka ketika itu telah tersusun dengan rapi dan teratur. Penulis mengandaikan bahawa corak hidup yang kemas dan tersusun inilah telah meningkatkan taraf Melaka sebagai sebuah empayar yang ulung suatu ketika dahulu.

Seterusnya ialah persamaan dari sudut konsep pendidikan yang diterapkan. Walaupun manuskrip *Naṣīḥat al-Mulūk* hanya menekankan pendidikan terhadap anak-anak raja sahaja, namun ia telah menggambarkan tentang kepentingan sebuah sistem pendidikan yang baik dan sempurna. Penekanan yang mendalam terhadap pendidikan¹⁰ tertumpu khususnya bagi putera mahkota yang bakal menggantikan kedudukan raja kelak. Keutamaan terhadap perkara ini dapat kita lihat apabila Sheikh Ḥussein al-Kāshifi telah membincangkannya dengan panjang lebar. Fokus perbincangan itu bermula semenjak bayi dilahirkan sehingga sampai waktu baginda hendak ditabalkan menjadi raja. Keadaan ini telah menunjukkan bahawa pembentukan nilai peribadi dan moral yang berdasarkan sistem pendidikan yang sempurna amat penting bagi melahirkan rasa taat dan hormat rakyat terhadap raja.

Sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka nampak lebih sempurna dan tersusun di dalam mempraktikkan sistem pendidikan. Penekanan terhadap persoalan pendidikan bermula daripada raja atau sultan sehingga kepada rakyat jelata. Istana pula telah dijadikan pusat bagi kegiatan keilmuan. Ia wujud hasil daripada keprihatinan pihak pemerintah terhadap kegiatan keilmuan. Program pendidikan yang telah diketengahkan oleh pemerintah Melaka telah

¹⁰ Al-Kāshifi, op. cit., hal. 18-20.

melahirkan ramai bijak pandai seperti Kadi Munawar, Kadi Yusof, Maulana Abu Bakar¹¹ dan sebagainya yang mempunyai nilai kepakaran masing-masing khususnya di dalam bidang agama.

Fokus utama bidang pengajian di Melaka lebih menjurus kepada pengajian metafizik dan falsafah kerana ia dipengaruhi oleh *tasawwuf* Islam seperti pengajaran kitab *al-Dur al-Manzūm*, kitab *Ma'lūmat* dan seumpamanya. Selain itu, terdapat juga pengajian bagi disiplin ilmu-ilmu lain seperti *nahu*, *saraf*, *fekah* dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Melayu Melaka amat prihatin di dalam permasalahan pendidikan dan penerapan aspek pendidikan itu diatur secara sistematik supaya ia melibatkan keseluruhan masyarakat bermula dari golongan pemimpin sehingga kepadarakyat jelata.

5.4. KESIMPULAN

Hasil daripada analisis perbandingan yang telah dilakukan, penulis dapat menyimpulkan beberapa perkara yang berkaitan dengan teori penulisan yang telah dikemukakan oleh manuskrip *Naṣīḥat al-Mulūk* ternyata telah dipengaruhi oleh sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka. Perkara utama yang perlu kita lihat ialah tentang perjalanan sistem pentadbiran yang telah diutarakan kepada kita. Kedua-duanya mempunyai pengaruh dan persamaannya secara umum. Walau bagaimanapun, terdapat juga perbezaan teknikal yang mungkin diubahsuai mengikut keadaan tempat dan masa.

¹¹ Shafie Abu Bakar, op. cit., hal. 19-21. Lihat juga Yahya Abu Bakar, "Melaka Sebagai Pusat Penyebaran Islam di Nusantara" dalam *Sejarah di Selat Melaka*, Abdul Latiff Abu Bakar (ed.),

Perkara kedua yang perlu diberi perhatian ialah perjalanan sistem pemerintahan yang digambarkan oleh kedua-dua sampel kajian adalah didasari oleh sistem pemerintahan Islam yang berasaskan al-Qur'an dan al-Sunnah. Penulis amat bersetuju dengan pendapat yang telah dikemukakan oleh Dr. Abdullah Ishak yang mengatakan sistem perundangan yang diamalkan oleh Kerajaan Melayu Melaka adalah merupakan Undang-Undang Islam di samping berpegang kepada hukum akal dan hukum adat. Ini secara tidak langsung menolak anggapan bahawa Undang-Undang Melaka adalah undang-undang yang berteraskan ajaran agama Hindu dan adat istiadat.¹²

Perkara ketiga yang perlu mendapat perhatian ialah idea dan pengamalan sistem pemerintahan seperti yang dianalisis sebelumnya adalah tertakluk kepada zaman, masa serta periode tertentu. Oleh itu, ia boleh berubah-ubah dari sudut teknikalnya tanpa menjelaskan dasar Islam yang hendak diketengahkan kepada masyarakat. Segala perubahan-perubahan terhadap kedudukan perjawatan dan bidang kuasa pemimpin semestinya disusun mengikut kesesuaian peranan masing-masing.

Perkara keempat yang dirasakan perlu mendapat perhatian ialah kepentingan golongan pemimpin untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka secara jujur, adil, beramanah dan beretika. Golongan pemimpin juga diingatkan agar menjauhi nilai-nilai keji dan tidak mengamalkannya di dalam urusan pentadbiran mereka. Ia bertujuan untuk melahirkan rasa hormat rakyat jelata terhadap kepimpinan yang mereka amalkan. Penekanan terhadap perkara

Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP) dan Persatuan Sejarah Malaysia cawangan Melaka (PSMCM), 1997, hal. 38.

¹² Abdullah Ishak (Dr.), op. cit., hal. 148.

ini telah diungkapkan berulangkali sama ada di dalam manuskrip *Nasihat al-Muluk* ataupun di dalam sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka. Justeru apabila pemimpin mengamalkan dasar kepimpinan melalui teladan, ia akan memberi input yang baik untuk kemakmuran, keamanan dan ketenteraman negara.

Akhirnya, penulis sekali lagi ingin menegaskan di sini bahawa perbandingan di antara konsep kesultanan mengikut manuskrip *Nasihat al-Muluk* dengan praktikal di dalam sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka telah menunjukkan kepada kita bahawa Kerajaan Melayu Melaka adalah sebuah kerajaan yang melaksanakan sistem pentadbiran Islam sebagai dasar pemerintahan. Pengamalannya di dalam sistem pentadbiran kelihatan lebih ideal dan lebih teliti daripada teori-teori yang telah diketengahkan oleh manuskrip *Nasihat al-Muluk*. Perbahasannya nampak lebih menyeluruh bermula dari perkara asas (dasar) sehingga kepada perkara umum dengan berlandaskan ajaran Islam.

5.5. PENUTUP

Sebagai mengakhiri perbahasan bagi kajian ini, penulis dengan suka cita ingin menyatakan bahawa sistem yang telah dibawa oleh ajaran Islam adalah merupakan sistem yang sempurna untuk diamalkan. Walaupun raja bertindak sebagai ketua di dalam sesebuah negara, tetapi mereka hanyalah merupakan pemegang amanah. Penguasa sebenar di atas muka bumi ini adalah Allah s.w.t. Oleh itu, adalah menjadi kewajipan bagi setiap umat manusia untuk tunduk dan patuh kepada Allah s.w.t. melebihi segala makhluk di atas muka bumi ini.

Begitu juga dengan sistem yang dilaksanakan oleh sesebuah negara. Jika ia bertentangan dengan prinsip dan dasar yang telah diturunkan oleh Allah s.w.t. maka sudah pasti akan menemui kehancuran. Oleh itu, manusia harus kembali kepada syariat Allah s.w.t. dengan alasan bahawa Allah s.w.t. adalah pencipta manusia seluruhnya dan sudah tentu Allah s.w.t. juga telah mencipta sistem-sistem yang sempurna untuk diamalkan oleh manusia di atas muka bumi ini. Firman Allah s.w.t.;¹³

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ ۝ ثُمَّ رَدَدْنَاهُ أَسْفَلَ سَافَلِينَ ۝
إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ فَلَهُمْ أَجْرٌ عَبْرَ مَمْنُونٍ

Ertinya: "...sesungguhnya Kami (Allah` S.W.T.) telah menciptakan manusia dalam bentuk rupa yang sebaik-baiknya. Kemudian Kami rendahkannya (menjadi) paling rendah daripada sekalian yang paling rendah sekali. Melainkan orang-orang yang beriman: maka bagi mereka ganjaran yang tidak putus-putus..."

Akhirnya, perbahasan ini dirasakan masih mempunyai kelemahan yang mungkin di luar pengetahuan penulis. Oleh itu, penulis mengharapkan agar segala kelemahan yang ditemui itu dapat diperbetulkan. Penulis juga mengharapkan agar generasi akan datang dapat meneruskan usaha ini bagi menambahkan lagi khazanah ilmu dan bahan rujukan untuk tatapan masyarakat umum.

Sekian.

¹³ Al-Qur'an surah Al-Tin ayat 4-6.